

PM minta Sarawak cari penyelesaian harmoni

BERITA HARIAN 05 MAY 2025

m/d: 3

Kuching: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Sarawak mencari penyelesaian yang harmoni dan adil berhubung isu membabitkan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan kerajaan Sarawak dalam sektor minyak dan gas.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Openg yang kini berada di London berkata, beliau menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri pada Sabtu lalu waktu tempatan.

Abang Johari mendedahkan perkara itu pada sesi Townhall Agenda Sarawak sempena program Lan Berambéh Anak Sarawak 2025, Edisi United Kingdom (UK), di London kelmarin.

Kira-kira 230 pelajar di UK, Jerman dan Perancis menyertai program Lan Berambéh Anak Sarawak 2025 Edisi UK itu yang turut dihadiri pemimpin kanan kerajaan Sarawak, termasuk dua Timbalan Premier, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Datuk Amar Dr Sim Kui Hian.

Abang Johari berkata, penyelesaian isu itu adalah berteraskan pendekatan menang-menang bagi kedua-dua pihak.

“Dalam isu minyak dan gas ini, (memang) adalah kita bermain ‘bola’ sikit-sikit dengan PETRONAS dan ketika ini, saya pasti anda sudah mengikuti perkembangan semasa berkaitan isu ini.

“Namun, kita akan menyelesaikan perkara ini, malah Perdana Menteri sudah menghubungi saya pagi tadi (Sa tu waktu London) dan kami mencapai komitmen bersama untuk menyelesaikannya,” katanya dalam laporan Unit Komunikasi Awam Sarawak, semalam.

Berasaskan keikhlasan

Abang Johari berkata, penyelesaian itu akan diasaskan kepada keikhlasan bahawa hasil minyak dan gas negara perlu dikongsi secara adil.

Pertikaian berhubung isu itu semakin memuncak apabila PETRONAS semalam mengakui

menerima notis undang-undang daripada kerajaan Sarawak memaklumkan anak syarikatnya, PETRONAS Carigali, beroperasi secara haram di Sarawak dan melanggar Seksyen 7(e) Ordinan Pengagihan Gas Sarawak 2016.

PETRONAS Carigali diberi tempoh 21 hari untuk mendapatkan lesen yang diperlukan yang mana jika gagal yang boleh membawa kepada penalti kewangan di bawah Seksyen 21A ordinan itu.

Isnin lalu, PETRONAS gagal mendapatkan injuksi di Mahkamah Tinggi Kuching untuk menghentikan saman difailkan PETROS untuk menghalang mahkamah daripada mendengar sa-

Kita akan menyelesaikan perkara ini, malah Perdana Menteri sudah menghubungi saya pagi tadi (Sabtu waktu London) dan kami mencapai komitmen bersama untuk menyelesaikannya

Abang Johari Openg,
Premier Sarawak



man berkenaan pembayaran gas.

Dalam perkembangan lain, Abang Johari berkata, fokus utama kerajaan negeri ketika ini ialah memperkukuh asas ekonomi Sarawak khususnya disokong dengan penubuhan Dana Kekayaan Berdaulat Masa Depan Sarawak dengan penyediaan simpanan sebanyak RM8 bilion.

“Apabila ekonomi kita mencapai tahap kestabilan yang kukuh, hasil daripada pertumbuhan itu

akan dapat disalurkan kepada rakyat melalui pendekatan pembangunan ekonomi yang tersusun dan menyeluruh merangkumi semua sektor.

“Apa yang sedang kita usahakan kini ialah memperkukuh asas ekonomi negeri dan apabila ekonomi kita benar-benar kukuh, maka hasilnya akan dapat disalurkan kepada rakyat melalui pendekatan ekonomi yang tersusun dalam semua bidang,” katanya.

Ibadat & Fadilat

Ibnu Umar RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: “Orang yang luput solat Asarnya samalah ertinya dia kehilangan keluarga dan harta kekayaannya.” (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:53	1:18	4:36	7:28	8:40
Alor Setar	5:53	1:18	4:35	7:27	8:40
P. Pinang	5:55	1:18	4:36	7:26	8:39
Ipoh	5:53	1:15	4:34	7:23	8:35
Kuala Lumpur	5:52	1:13	4:32	7:20	8:32
Shah Alam	5:52	1:13	4:32	7:20	8:32
Johor Bahru	5:46	1:04	4:24	7:09	8:20
Kuantan	5:47	1:07	4:26	7:13	8:25
Seremban	5:52	1:11	4:31	7:17	8:29
Bandar Melaka	5:51	1:10	4:30	7:16	8:28
Kota Bharu	5:46	1:10	4:28	7:20	8:28
K. Terengganu	5:43	1:06	4:25	7:15	8:27
Kota Kinabalu	4:51	12:15	3:32	6:24	7:36
Kuching	5:21	12:39	3:59	6:44	7:56